

25/12/1997

Memupuk sikap memulihara sungai

Eby Azly Abdullah

DUA tahun lalu, Sungai Skudai berhampiran Johor Bahru mencapai tahap pencemaran kritikal menyebabkan Loji Rawatan Air milik Lembaga Kemudahan Awam Singapura (PUB) menghentikan operasinya - sekali gus menjejaskan bekalan air beribu-ribu penduduk di selatan negeri itu.

Masalah yang menghantui penduduk Johor kini menjadi igauan masyarakat metropolitan di Lembah Klang, apabila pencemaran di Sungai Langat beberapa kali menjejaskan bekalan air penduduk ibu kota.

Kejadian berkenaan mencerminkan apa yang sudah lama diramalkan oleh pakar pengurusan sumber air sebelum ini - kewujudan terlalu banyak industri mencemar di bahagian hulu sungai, berhampiran kawasan pengambilan dan tadahan air utama.

Jelas sekali, apa yang berlaku kepada kedua-dua sungai berkenaan bukannya sesuatu yang berasingan, malahan dianggap satu isu kebangsaan yang akan terus menghantui negara di masa depan.

Kawasan tadahan air adalah tempat air hujan mengalir memasuki kawasan sungai atau sistem saliran. Kewujudan industri mencemar di kawasan tadahan sungai sudah tentunya memastikan pencemaran berlaku.

Dengan peningkatan kadar penduduk dan asas perindustrian yang mendadak di seluruh negara, sudah tentunya mutu bekalan air yang hampir 97 peratus diambil daripada sungai atau saliran lain, mudah tercemar.

Hakikat itu turut diakui oleh pucuk pimpinan negara.

"Kualiti bekalan air di seluruh negara sememangnya semakin merosot kerana pencemaran sumber... khususnya di kawasan yang menjadi tadahan air utama negara," kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Menurut beliau, kebanyakan sumber air seperti sungai dan tasik di seluruh negara semakin tercemar menyebabkan ia tidak lagi sesuai dijadikan bekalan asas untuk kegunaan umum dan industri.

"Pencemaran di Malaysia banyak disebabkan industri kecil dan sederhana seperti tekstil, pemprosesan makan, kertas dan kulit kerana kilang berkenaan membuang sejumlah besar sisa perindustrian ke sungai."

"Jika masalah itu berterusan, Malaysia mungkin tidak mempunyai bekalan air bersih yang cukup bagi menampung bekalan kilang perindustrian," katanya, sambil menegaskan penyelidikan mengenai isu itu perlu dipertingkatkan, jika tidak mahu ia menjadi ancaman besar di masa depan.

Mengenai masalah penempatan kilang yang mencemarkan berhampiran tadahan air, Law berkata garis panduan mengenainya sudah lama wujud tetapi ia tidak begitu dipatuhi oleh pihak yang meluluskan lesen kilang berkenaan - pihak berkuasa tempatan.

Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, mendapati kira-kira 472 kilang dikesan beroperasi di 12 kawasan tadahan air di seluruh negara mungkin menyebabkan air tercemar.

Menurut Law, sebahagian besar kilang berkenaan dipercayai mempunyai kolam takungan sisa mengandungi asid ammonia serta nitrogen.

Beliau berkata, sumber air bersih adalah komoditi utama negara dan sehubungan dengan itu, kerajaan sedang menimbangkan perkara berkenaan supaya satu undang-undang membolehkan syarikat persendirian mengendalikan proses merawat air buangan.

"Di samping itu, kerajaan juga bertindak terhadap kilang membuang sisa perindustrian dengan mendakwa mereka di mahkamah," katanya.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tan Meng Leng berpendapat

kegagalan pihak berkuasa tempatan membincangkan pemilihan tapak kilang dengan jabatan itu, menjadi salah satu punca utama masalah berkenaan.

"JAS sentiasa menentang sebarang penempatan kilang perindustrian di kawasan tadahan air. Walaupun garis panduan mengenainya wujud, ia tidak bersifat undang-undang dan kami hanya boleh menasihati," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad berpendapat kerjasama pihak berkuasa tempatan adalah penting dalam memastikan kebersihan sungai terpelihara, dan ia termasuk menentukan kedudukan kilang berhampiran kawasan tadahan sungai.

"Pencemaran yang berlaku di Sungai Langat dan sungai lain bukan semata-mata tumpahan minyak diesel saja, tetapi daripada kegiatan orang ramai sehingga ke syarikat besar."

"Tanggungjawab menanganinya sudah tentunya tidak boleh diberi bulat-bulat kepada JAS semata-mata," katanya.

Dengan Sungai Langat mengalir melalui sebahagian besar kawasan Dewan Undangan Negerinya, sudah tentu beliau mempunyai faktor kukuh untuk bersuara.

Di negara ini, pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab ke atas penggunaan tanah - termasuk memberi kelulusan kepada sektor perindustrian - dan dengan itu berkuasa menentukan kedudukan kilang di kawasan tadahan air.

Sehubungan itu, pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama JAS, bertanggungjawab memastikan efluen dan bahan buangan dari sektor perindustrian dilupus atau diproses dengan berkesan, dan tidak memasuki sistem saluran negara.

Bagaimanapun, sudah menjadi pengetahuan umum bahawa pengawalan, pengawasan dan penguatkuasaan dua agensi berkenaan sering kali gagal mencapai tahap yang memuaskan.

Seorang pegawai Jabatan Parit dan Saliran (JPS) yang enggan namanya disebut menganggap keadaan sungai di negara ini, khususnya di Lembah Klang amatlah memalukan. Beliau berpendapat pihak berkuasa tempatan wajar dipersalahkan kerana keadaan sungai yang teruk tercemar ketika ini.

"Merekalah yang meluluskan pelan. Mereka juga yang memutuskan bentuk kegiatan di kawasan tadahan serta bertanggungjawab menghalang orang ramai daripada membuang sampah ke dalam sungai," kata pegawai itu.

Ia jelas memberi kesan kepada kedudukan pencemaran sungai terkini di negara ini. Laporan suku tahun JAS bagi 1997 mendapati kadar pencemaran sungai bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini terus merosot dengan jumlah sungai tercemar meningkat 17 peratus, manakala sungai bersih menurun 16 peratus, berbanding tahun lalu.

Laporan itu menyebut sebanyak 45 sungai diawasi sehingga Mac lalu, dengan 13 dikenal pasti tercemar teruk, 25 tercemar pada paras sederhana dan hanya tujuh sungai dikenal pasti bersih.

Daripada 13 sungai yang dikenal pasti tercemar itu, lima terletak di Johor, dua di Terengganu dan sebatang sungai di Selangor.

Dengan perangkaan menunjukkan kadar pencemaran semakin meningkat setiap tahun, rakyat pasti tertanya-tanya bila agaknya mereka boleh menjumpai sebatang sungai mengalir di kawasan bandar, yang benar-benar bersih.

Jawapannya mungkin tidak, jika konsep dan peraturan sedia ada terus dikuatkuasakan. Satu aspek menarik yang juga mungkin tidak disedari oleh ramai pihak ialah ada sektor yang `dibenarkan' mengeluarkan efluen ke dalam sistem saluran, dengan syarat ia tidak melebihi paras ditetapkan oleh JAS!

Bagaimanapun, pembuangan bahan efluen yang lebih `bersih' oleh kilang perindustrian tidak bermakna sungai lebih bersih, kerana jumlah terkumpul daripada buangan terbabit akan menyebabkan sungai lebih tercemar.

Perangkaan JAS sendiri membuktikannya. Hampir 80 peratus pemeriksaan

penguatkuasaan yang dilaksanakan terhadap kilang memiliki lesen kontravensi mendapati mereka mematuhi syarat jabatan berkenaan. Bagaimanapun, kadar pencemaran terus meningkat pada kadar 1.6 peratus setiap tahun.

Pemeriksaan jabatan itu turut mendapati sungai semakin dicemari bahan kimia berat seperti kadmium dan besi. Sebanyak 57 sungai dikenal pasti mengandungi kadmium berlebihan.

Manakala kadar plumbum berlebihan dikesan di 36 sungai. Semua logam berkenaan sebenarnya berpunca daripada `pembebasan' efluen `bersih' secara halal oleh kilang terbabit.

Adakah ini satu kelemahan pada sistem perundangan negara sendiri? JAS sendiri mengakui ia tidak boleh berbuat apa-apa kerana konsep lesen kotravensi itu sebenarnya wujud ketika negara mula meneroka era industrilisasi, dan proses itu masih berjalan sehingga kini.

"Komitmen politik diperlukan bagi memastikan berlakunya satu paradigma dalam konsep pemuliharaan alam sekitar di sungai-sungai negara," kata seorang pegawai kanan JAS.

Kebimbangan itu turut dirasai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri, yang baru-baru ini meminta agarsemua kerajaan negeri menubuhkan Lembaga Pengurusan Sungai masing-masing.

(END)